**GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG**
**11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG**
**Tel: 03-87387404/ 03-87331154**
**[http://www.hfckajang.org.my](http://www.hfckajang.org.my)**
**email: holyfamily@archkl.org**

Scan for updates

**Waktu Urusan Pejabat Paroki**
**Isnin - Jumaat – 9.00PG - 5.00PTG**
**Sabtu - 9.00PG - 1.00PTG**
**Ahad & Cuti Umum - TUTUP**

**PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA**
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA**
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE**

**MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)**
**SR. MARGARET PEREIRA RGS**
**marge.0190705@gmail.com**

# MISA DI PAROKI

| Hari | Tarikh | Masa | Aktiviti | Deskripsi |
|---|---|---|---|---|
| Sabtu | 02 Nov | 7.00am<br><br>5.30pm<br>6.00pm<br>7.30pm | Misa Bah. Inggeris<br>Novena untuk Bonda Penolong Abadi<br>Misa Bah. Inggeris<br>Misa di UPM | Memperingati Mereka Yang Telah Meninggal Dunia<br>(Hari Para Arwah) |
| Ahad | 03 Nov | 7.00am<br>9.30am<br>11.30am<br>1.30pm | Misa Bah. Tamil<br>Misa Bah. Inggeris<br>Misa Bah. Mandarin<br>Misa Bah. Malaysia | Hari Minggu Biasa ke-31 |
| Isnin | 04 Nov | 7.00am | Misa Bah. Inggeris | St Charles Borromeo (m) |
| Selasa | 05 Nov | 7.00am | Misa Bah. Inggeris | Liturgi Harian |
| Rabu | 06 Nov | 7.00am | Misa Bah. Inggeris | Liturgi Harian |
| Khamis | 07 Nov | 7.00am | Misa Bah. Inggeris | Liturgi Harian |
| Jumaat | 08 Nov | 7.00am | Misa Bah. Inggeris | Liturgi Harian |
| Sabtu | 09 Nov | 7.00am<br>5.30pm<br><br>6.00pm<br>7.30pm | Misa Bah. Inggeris<br>Novena untuk Bonda Penolong Abadi<br>Misa Bah. Inggeris<br>Misa di UPM | Pesta Pemberkatan Gereja Basilik Lateran, Katedral Rom<br>Misa Komuni Kudus Pertama |
| Ahad | 10 Nov | 7.00am<br>9.30am<br>11.30am<br>1.30pm | Misa Bah. Tamil<br>Misa Bah. Inggeris<br>Misa Bah. Mandarin<br>Misa Bah. Malaysia | Misa Komuni Kudus Pertama<br>Hari Minggu Biasa ke-32<br>Misa Komuni Kudus Pertama<br>Misa Komuni Kudus Pertama |

***Pesta K.A.M.I. – Hari Belia Keuskupan KL 2024***
*Golongan muda mudi dijemput menyertai perayaan - Pesta K.A.M.I - ArchKL Youth Day 2024. Program tahun ini bertujuan untuk menumpukan pada menemukan Tuhan yang memberi kita harapan.*
*Pesta K.A.M.I 2024: Tema Hari Belia : "Mereka yang berharap kepada Tuhan akan berlari dan tidak lesu" (cf. Is 40:31)*

***Tarikh & Masa: 16hb November 2024, 1.00ptg - 9.00mlm.***
***Tempat: Rooftop @ Costantini Community Centre, Church of St Ignatius, PJ***
*Umur penyertaan: 18-39 tahun*
*Sumbangan minima: RM20 (termasuk makan malam & cenderahati)*
*Antara acara yang disusun: Sesi Ucaptama, kaunter Vokasi,*
*Perkongsian dari ziarah WYD2023,*
*Perayaan Ekaristi, dan Malam Suai Mesra*
*Sila daftar melalui: [https://asayokl.my/PK24](https://asayokl.my/PK24)*
*Tarikh tutup pendaftaran: 9hb* ***November 2024***



# BERITA PAROKI

***Ceramah : Pelayanan kepada Orang Miskin/ Terpinggir***

*Tema: Kasih dalam Perbuatan*

*Apa sahaja yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang paling hina ini, kamu lakukan untuk Aku." Mat 25:40*

***Speaker: Brother James Shin, Kkottongnae***

***Tempat: Dewan Gereja, Gereja Holy Family Kajang***

***Tarikh & Masa: 13-11-2024, 8mlpm - 10 mlm***




*Sdr. James Shin, seorang dari para religus dari komuniti Kkottongnae di Korea Selatan. Kkottongnae, yang ditubuhkan oleh Father Woong-jin Oh pada tahun 1976, iaitu komuniti kebajikan sosial yang komprehensif yang berdedikasi untuk menyokong kumpulan individu yang pelbagai termasuk warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya dan gelandangan. Kkottongnae yang bermula di Korea Selatan telah disamakan dengan Ibu Teresa dan perintahnya dalam dedikasi mereka untuk berkhidmat kepada golongan miskin dan terpinggir. Kita bertuah kerana kehadiran Sdr. Shin di Malaysia untuk berkongsi tentang kerja yang dilakukan oleh komunitinya dan memberikan inspirasi kepada semua yang merasa terpanggil untuk melayani golongan miskin, gelandangan, orang sakit dan orang tua. Info lanjut, hubungi* ***Anna Ong 012-206 3818, Dorothy Phang 012-213 3433*** *atau* ***Rose Ng 012-373 9887. Sila imbas kod QR untuk pendaftaan selewatnya 06/11/2024.***

***Program Komuni Kudus Pertama***

*Pelajar* ***bebahasa Inggeris*** *akan merayakan* ***Misa Komuni Kudus Pertama*** *mereka pada* ***09$^{hb}$ Nov (Sabtu), semasa Misa Senja.*** *Manakala* ***pelajar berbahasa Tamil, Mandarin, and BM*** *akan merayakan Komuni Kudus Pertama mereka pada* ***10$^{hb}$ Nov (Ahad) pada Misa Bahasa masing-masing.*** ***Pengakuan dosa*** *untuk SEMUA pelajar adalah pada* ***08$^{hb}$ Nov (Jumaat) jam 7.30mlm.***




***Tadika Holy Family***

*Pendaftaran untuk sekolah tadika akan dibuka bermula pada* ***5/11/2024 (Selasa) dan seterusnya, jam 8.30pg - 1.00ptg untuk kanak-kanak berumur 5 & 6 tahun.***




***Syarat Pengampunan Penuh Bagi Orang Yang Telah Meninggal Dunia***

*Pengampunan penuh hanya berlaku bagi roh yang berada di api penyucian, yang diberikan dari 1$^{hb}$ November hingga 8$^{hb}$ November, iaitu;*

*a) jika anda melawat dan berdoa di perkuburan, secara mental, untuk mereka yang telah meninggal dunia;*

*b) pada hari Para Arwah (atau pada hari Ahad sebelum atau sesudahnya, atau pada Pesta Para Orang Kudus), dengan beriman mengunjungi gereja dan membaca doa Bapa Kami dan Pengakuan Iman.*

*Untuk mendapatkan pengampunan penuh, berikut adalah syaratnya:*

*1. terlepas sepenuhnya dari dosa;*

*2. membuat pengakuan dosa dalam 20 hari selepas perbuatan;*

*3. menerima Komuni Kudus dalam tempoh 20 hari;*






***Perjumpaan BECCOT***

*Perjumpaan BECCOT akan diadakan pada:-*

***Tarikh: 6/11/2024 Rabu, jam 8.30mlm*** ***Tempat: Bilik 1&2, bangunan gereja lama***

*Kehadiran adalah wajib bagi semua Penyelaras Zon dan BEC. Sila ambil maklum bahawaj jika Penyelaras tidak dapat hadir,hendaklah ada penganti bagi mewakili anda.*

*Agenda:-*

*1. Formasi oleh Rev. Fr Michael Chua - Mengapa kita melakukan apa yang kita lakukan sewaktu Pengebumian Kristian*

*2. Garis panduan pengebumian*

*3. Acara akan datang di paroki*

*4. Hal-hal lain*

***Aktiviti Antara Agama PMEIA***

***Tarikh: 10$^{hb}$ November 2024, Ahad***

***Masa: 12tghari hingga 2ptg***

PMEIA

*Tempat: Kuil Sree Uchi Vinayagar, Jln Bkt Kajang*

*Sila lawati kaunter kami untuk pendaftaran di book barrow selepas Misa Senja, Tamil & Bah. Inggeris*

***TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN ANDA:***

***26/10 & 27/10***

***RM 16,085.00***